

**Buli Siber: Satu Kajian Netnografi Berasaskan Maqasid Syariah**  
*Cyberbullying: A Netnographic Study Based on Maqasid Syariah*

Nurul Shafiqah Ilias<sup>✉</sup>, Anwar Fakhri Omar  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Fenomena buli siber merupakan isu sosial yang semakin membimbangkan seiring dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi dan penggunaan media sosial. Walaupun perbincangan mengenai buli siber telah dibincangkan secara meluas dalam konteks undang-undang dan sosial, perbincangan dari perspektif Islam khususnya berasaskan kerangka maqasid syariah masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep buli siber menurut perspektif Islam dengan menilai reaksi masyarakat digital berdasarkan prinsip-prinsip maqasid syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kaedah netnografi dengan meneliti komen-komen netizen terhadap satu siaran berkaitan kes buli siber di platform TikTok, yang dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa reaksi masyarakat digital dikategorikan kepada beberapa tema utama seperti sokongan dan empati, kecaman terhadap mangsa, spekulasi negatif, pengalaman peribadi serta cadangan pencegahan. Analisis mendapati bahawa sebahagian reaksi tersebut mencerminkan pemeliharaan prinsip *hifz al-nafs*, *hifz al-'ird* dan *hifz al-'aql*, manakala sebahagian yang lain jelas melanggar prinsip-prinsip tersebut. Kajian ini menegaskan kepentingan kefahaman maqasid syariah dalam membimbing etika komunikasi masyarakat di ruangan digital.

### KATA KUNCI

Buli Siber, Maqasid Syariah, Netnografi, Netizen, Etika Komunikasi

### ABSTRACT

*Cyberbullying has become an increasingly alarming social issue in line with the rapid development of communication technology and the widespread use of social media. Although cyberbullying has been widely discussed within legal and social contexts, academic discourse from an Islamic perspective, particularly one grounded in the framework of maqasid al-shariah, remains limited. This study therefore aims to analyse the concept and impacts of cyberbullying from an Islamic perspective by examining digital public reactions based on the principles of maqasid al-shariah. The study adopts a qualitative approach through document analysis and a netnographic method by examining netizens' comments on a TikTok post related to a cyberbullying case, which were analysed thematically. The findings indicate that digital public reactions can be categorised into several key themes, including support and empathy, victim-blaming, negative speculation, the sharing of personal experiences, and preventive suggestions. Further analysis shows that some reactions reflect the preservation of the principles of *hifz al-nafs*, *hifz al-'ird*, and *hifz al-'aql*, while others clearly violate these principles. This study emphasises the importance of a maqasid al-shariah based understanding in guiding ethical communication practices in digital spaces*

### KEYWORDS

*Cyberbullying, Maqasid al-Shariah, Netnography, Netizen, Ethical Communication.*

### Article History

Received: Jan 5, 2026  
Revised: Feb 3, 2026  
Accepted: Jun 3, 2026  
Published: Jun 15, 2026

### ✉ Contact

Nurul Shafiqah Ilias  
(Corresponding Author)  
[nurulshfqh15@gmail.com](mailto:nurulshfqh15@gmail.com)

### Citation

Nurul Shafiqah Ilias & Anwar Fakhri Omar. 2026. Buli Siber: Satu Kajian Netnografi Berasaskan Maqasid Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 113-120.

### Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Era globalisasi ini, masyarakat digital memanfaatkan medium elektronik untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat serta membina jaringan sosial demi mencapai gaya hidup yang lebih efisien. Menurut Khairul dan Fahmi (2021), segala kemudahan yang diperoleh adalah bertujuan pertukaran dan perkongsian bahasa, budaya, pengetahuan, teknologi, kemahiran serta pengalaman. Semua perkara ini memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara supaya lebih maju lagi selaras dengan era Revolusi Perindustrian 4.0. Namun, disebalik manfaat dan kemudahan daripada penggunaan teknologi ini, telah wujud penyalahgunaan seperti buli siber yang semakin membimbangkan dan memerlukan perhatian yang serius berikutan peningkatannya saban tahun (Muhammad Afiq & Kamarul Azmi 2022).

Buli siber merupakan salah satu kaedah untuk melakukan perbuatan buli yang sudah sekian lama wujud (Ahmad Shamsul et al. 2022). Buli siber didefinisikan sebagai suatu perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti media sosial, mesej serta permainan internet. Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), sebanyak 8338 laporan dan aduan yang diterima berkaitan buli siber bagi tempoh Januari hingga November 2024 (Berita Harian 2024). Angka ini menunjukkan ancaman buli siber yang diterima oleh rakyat Malaysia terlalu serius setiap tahun. Antara kes yang telah mendapat perhatian berkaitan buli siber adalah kematian pengengaruh Tiktok, Rajeswary yang merupakan mangsa buli siber (Berita Harian 2024). Perkara ini cukup membuktikan tentang bahaya buli siber bukan sahaja melibatkan mental malah fizikal mangsa.

Walaupun perbincangan mengenai buli siber ini sudah dilakukan secara meluas dalam konteks undang-undang dan sosial, perbincangan mengenai isu ini dari sudut perspektif Islam khususnya berasaskan kerangka maqasid syariah masih terhad. Keterbatasan ini berpunca daripada ketiadaan takrif khusus mengenai buli siber dalam karya ulama klasik memandangkan buli siber merupakan isu kontemporari. Istilah larangan dalam al-Quran seperti *sakhāra* sering dibincangkan secara umum tanpa huraian lebih lanjut untuk menghubungkaitkan dalam konteks perilaku digital (Isna Fitri & Abdul Fatah 2025). Justeru, wujud keperluan untuk meneliti bagaimana prinsip maqasid syariah dapat diaplikasikan dalam memahami dan menilai isu buli siber melalui reaksi masyarakat digital. Berdasarkan permasalahan kajian di atas, objektif kajian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep buli siber menurut perspektif Islam
2. Menilai reaksi masyarakat digital terhadap buli siber berdasarkan prinsip maqasid syariah

Oleh itu, perbincangan mengenai isu buli siber amat penting dilihat dari perspektif Islam khususnya dalam kerangka maqasid syariah supaya dapat memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat dan membimbing untuk menggunakan media sosial dengan penuh beretika. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat dengan menjadikan kerangka maqasid syariah sebagai panduan dalam mencegah buli siber daripada berleluasa.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dokumen bagi memahami dengan lebih mendalam tentang konsep buli siber menurut perspektif Islam. Fokus utama kajian ini adalah dengan melihat kepada bahan bacaan seperti jurnal, artikel serta akhbar yang dirujuk dan disusun mengikut tema seperti definisi buli siber, jenis-jenis buli siber, faktor dan reaksi masyarakat terhadap isu buli siber. Konsep ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan dalil-dalil dalam al-Quran dan hadith yang membantu untuk memberi pemahaman yang jelas tentang buli siber ini dari sudut pandang Islam serta kaitan pelanggarannya dengan prinsip maqasid syariah.

Bukan itu sahaja, kajian ini turut mengaplikasikan kaedah netnografi iaitu gabungan etnografi dan internet bagi menyelidik tingkah laku, pengalaman dan budaya masyarakat melalui internet atau media sosial (Kozinets 2020) Kajian ini dilakukan dengan mengumpulkan data-data melalui pemilihan satu siaran muatnaik daripada platform TikTok. Kemudian, komen-komen yang diberikan oleh warga internet pada siaran yang dimuatnaik itu dinilai dari sudut maqasid syariah. Komen-komen tersebut dikumpulkan secara berterusan dalam tempoh dua minggu. Kemudian, data dianalisis secara tematik bagi mengenalpasti tema utama yang mencerminkan reaksi masyarakat digital terhadap buli siber. Semua identiti pengguna TikTok yang memberikan reaksi dijaga dengan ketat seperti merahsiakan nama pengguna supaya privasi dan etika penyelidikan ini dipatuhi.

## Definisi Buli Siber

Menurut Ibn Manzur (1414), buli dalam bahasa arab disebut sebagai *al-Tanammur* yang berasal daripada kata dasar *namira* atau *nimr* yang merujuk kepada harimau bintang yang bersifat ganas dan agresif. Perkataan ini turut membawa maksud tompok atau corak daripada mana-mana warna yang menggambarkan kecenderungan seseorang untuk memiliki akhlak yang buruk. Dari sudut terminologi pula bermaksud, perkara yang disengajakan melalui perkataan, perbuatan atau isyarat yang bertujuan menyakiti, merendahkan martabat dan maruah individu lain (Maslih 2018). Ayat al-Quran tidak

menyebut perkataan ‘buli’ secara eksplisit akan tetapi terdapat beberapa lafaz dalam ayat al-Quran seperti *sakhāra*, *lamaza*, *huzuwan* dan *namimah* yang mempunyai makna yang hampir sama yang boleh dikaitkan dengan isu buli (Fitriyatul et al. 2024). Terdapat tiga larangan yang ditekankan dalam surah al-Hujurat ayat 11 iaitu larangan mengejek atau menyindir (لَا يَسْخَرُ), mencela antara satu sama lain (لَا تَنَابَرُوا), serta memberi gelaran buruk (لَا تَلْمِزُوا).

Seiring dengan peredaran zaman, buli yang sudah sekian lama wujud ini beralih kepada fasa secara *online* yang dikenali sebagai buli siber, membawa kepada lebih ramai jumlah mangsa yang terlibat. Menurut Che Hasniza dan Asyraf (2013), istilah buli siber tidak dibincangkan secara panjang lebar oleh sarjana Islam tradisional mahupun moden. Walau bagaimanapun, perkara yang ditekankan adalah hak-hak yang ditindas akibat daripada kejahatan seseorang sehingga melakukan perbuatan yang dilarang dalam Islam. Perbuatan buli siber juga dikaitkan dengan konsep penyalahgunaan media sosial kerana berlaku penyimpangan akhlak Islam yang sebenar seperti berlaku kezaliman (*zulm*), melampaui batas (*fahisha*) dan melanggar hak (*baghy*) (Sri Tuti 2022).

Secara keseluruhannya, buli siber adalah istilah kontemporari yang digunakan untuk menerangkan perlakuan buli itu dilakukan secara alam maya. Walau bagaimanapun, ciri-ciri buli yang dilarang dalam Islam itu selari dengan konsep buli siber yang menjejaskan lima perlindungan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia. Pelanggaran terhadap lima perkara ini menyebabkan manusia berada dalam keadaan kekacauan dan ketidakamanan.

#### Jenis-Jenis Buli Siber

Buli siber yang dikenalpasti berlaku di Malaysia boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti *harrasment*, *flaming*, *trolling*, *denigration*, *exclusion* dan *outing and trickery* (Saeaba Mushtaq dan Syed Asima 2025). Kesemua jenis buli siber ini mendatangkan impak yang besar terhadap diri individu yang melaluinya. Bagi menilai dari sudut pandang Islam, setiap jenis buli siber ini boleh dikaitkan dengan konsep larangan dalam Islam yang jelas ditegah dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Antaranya ialah:

##### a. Larangan *al-sukhriyyah*

*Al-sukhriyyah* bermaksud olokkan, ejekan atau gurauan berlebihan terhadap seseorang untuk tujuan menjadi bahan ketawa terhadap perkara yang menyakitkan hati mangsa. Menurut al-Raghib (2012), terdapat gabungan unsur satira (*al-haja'*) dan lawak (*al-du'abah*) dalam gejala *al-sukhriyyah* ini. Dalam konteks buli siber, dikenali sebagai budaya *troll* iaitu tindakan mengapi-apikan seseorang sehingga tercetusnya konflik dan pergaduhan melalui perbuatan mengejek, menghina serta memalukan secara alam

maya (Khairul Azhar et al. 2022) Perbuatan ini akhirnya membawa kepada perbuatan *flaming* iaitu perbuatan balas yang dizahirkan melalui kata-kata kesat yang dilakukan secara terang-terangan. Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَانِ وَلَا اللَّعَانِ وَلَا الْفَاحِشِ وَلَا الْبَدِيءِ

*Maksudnya: Bukan dalam kalangan orang mukmin, mereka yang suka mencerca, memaki hamun, sumpah seranah, gemar berkata keji, kotor dan mencarut. (at-Tirmidhī, Jāmi' al-Tirmidhī, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah 'an Rasūlillāh ṣallallāhu 'alayhi wa sallam, Bāb mā jā'a fi al-la'nah).*

##### b. Larangan Fitnah

Kedua-dua perbuatan buli siber yang berkaitan dengan pemalsuan dikenali sebagai *impersonation* iaitu penyamaran identiti pelaku dan *denigration*, pemalsuan maklumat seperti gambar dan video yang palsu. Menurut Maga dan Salihin (2023), gangguan ini kerap berlaku kepada mereka yang berpengaruh bertujuan untuk menjatuhkan maruah dan reputasi mereka di khalayak ramai. Perbuatan ini disamakan dengan konsep *fitnah* yang jelas telah menyebabkan individu yang tidak bersalah menjadi salah sehingga menjejaskan pemeliharaan terhadap kehormatan diri (Afiq & Kamarul Azmi 2022). Secara tidak langsung, perbuatan ini akan mencetuskan konflik serta memecah-belahkan masyarakat tanpa mengemukakan berita yang sah.

##### c. Larangan Ghibah dan Namimah

Islam menegah secara keras perbuatan *ghibah* iaitu membicarakan keburukan seseorang serta *namimah*, mengadu domba antara satu sama lain yang boleh merosakkan hubungan sesama manusia (Kambali et al. 2023). Dalam konteks moden, perbuatan ini dikenali sebagai *outing and trickery* yang mendorong pelaku mendedahkan rahsia dan memperdaya mangsa untuk mendapatkan maklumat peribadi untuk disebarkan kepada orang lain. Perbuatan ini lazimnya bertujuan mencari kelemahan individu dan menyebarkannya melalui platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Thread* yang sama seperti perbuatan *tajassus* yang dilarang oleh Islam. Perbuatan *namimah* dan *ghibah* ini akhirnya membawa mangsa kepada penyisihan orang ramai disebabkan berita-berita negatif yang tersebar. Allah SWT berfirman (al-Quran, al-Hujurat 26:12):

وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا ۗ أَيُّجِبُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۗ

*Maksudnya: Dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya.*

### Faktor-Faktor Buli Siber

Terdapat tiga faktor utama yang mendorong pelajar universiti terlibat dalam buli siber seperti faktor peribadi, faktor lingkungan dan faktor teknologi (Farhan Bashir et al. 2020). Faktor-faktor yang dikenalpasti ini mempengaruhi kecenderungan individu sama ada menjadi pelaku atau mangsa buli siber. Walau bagaimanapun, perbincangan faktor-faktor ini wajar dikaitkan dengan prinsip-prinsip Islam yang dapat membantu menilai sejauhmana perbuatan ini bertentangan dengan ajaran Islam. Antara faktor-faktornya ialah:

#### a. Faktor Individu

Buli siber berlaku apabila wujudnya ketidakpuasan hati pelaku terhadap mangsa disebabkan sifat iri hati, cemburu dan marah terhadap kelebihan orang lain. Menurut Fatim Alia (2022), pelaku akan cenderung menyimpan dendam terhadap kemewahan, penampilan diri dan keperibadian yang ditonjolkan oleh mangsa sehingga menggugat kedudukan pelaku. Sifat-sifat *mazmūmah* ini perlu dielakkan kerana ia meletakkan diri seseorang kepada kebinasaan. Hubungan dengan perspektif Islam pula adalah berkenaan kelemahan penghayatan konsep *ihsān* akan mendorong kepada peningkatan gejala sosial seperti buli siber kerana individu akan bertindak mengikut hawa nafsu semata-mata (Mohammad Najib et al. 2025).

#### b. Faktor Teknologi

Penggunaan tanpa had yang sewajarnya turut mencetuskan perlakuan buli siber. Terdapat dua perspektif berkaitan kemahiran dalam penggunaan teknologi, sama ada mendorong individu untuk menjadi pelaku atau mangsa buli siber. Bagi individu yang memiliki kemahiran tinggi dalam mengendalikan teknologi lebih cenderung untuk menyalahgunakan kelebihan tersebut. Golongan ini kebiasaannya mempunyai kelebihan yang dinamakan sebagai *anonimiti* iaitu kemahiran dalam menyembunyikan identiti sebenar ketika melakukan buli secara atas talian (Farhan Bashir et al. 2020). Keadaan ini menjadikan mereka berterusan mengganggu tanpa rasa takut dikenakan hukuman.

Menurut Noorrezam dan Samer Ali (2021), individu yang kurang mahir dalam menggunakan teknologi pula akan terdedah menjadi mangsa buli siber. Kelemahan dalam penjagaan data peribadi menyebabkan pelaku akan mudah untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan mengeksploitasi dan mengganggu mangsa secara atas talian.

#### c. Faktor Lingkungan

Buli siber juga berpunca daripada faktor hubungan kekeluargaan yang lemah khususnya antara ibu bapa dan anak-anak. Korelasi negatif menunjukkan bahawa semakin tinggi sokongan yang diberikan oleh ibu

bapa, semakin rendah kemungkinan anak-anak menjadi mangsa buli siber (Meryna Putri et al. 2024). Realitinya, ibu bapa pada hari ini terlalu sibuk bekerja sehingga mengabaikan tanggungjawab dalam mendidik dan berinteraksi dengan anak-anak. Kesannya, mereka berasa kurang dihargai dan mengungkap emosi serta mendapatkan perhatian melalui alam maya yang akhirnya mendorong kepada perlakuan buli siber.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga adalah antara faktor tercetusnya buli siber. Hal ini kerana, didorong dengan keinginan mereka untuk berada dalam lingkungan sosial yang diterima oleh rakan-rakan lain. Secara tidak langsung, mereka mendapat tekanan untuk menyesuaikan diri dalam kumpulan tersebut sehingga terlibat dengan buli siber (Ramlah & Nurliana 2024). Perkara ini bermula dengan tindakan meniru tingkah laku yang sudah jelas salah di sisi Islam sehingga tidak dapat membezakan perkara baik dan buruk yang perlu diikuti. Menurut Meryna Putri et al. (2024), mangsa buli siber lazimnya dijauhi oleh rakan sebaya manakala pelaku buli siber pula mendapat sokongan yang tinggi daripada rakan sebaya sehingga mereka berasa yakin dan berani untuk melakukan perbuatan ini berulang kali. Oleh itu, pentingnya memilih rakan yang baik yang mempunyai akhlak-akhlak *mahmūdah*.

### Reaksi Masyarakat Digital Terhadap Isu Buli Siber

Tema-tema yang menunjukkan reaksi masyarakat terhadap isu buli siber dikategorikan kepada lima bahagian iaitu sokongan dan empati, kecaman terhadap mangsa, spekulasi negatif, pengalaman peribadi serta cadangan pencegahan buli siber. Reaksi terhadap sokongan dan empati serta kecaman terhadap mangsa menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dalam kajian. Menurut kajian Qiqi Chen (2024), reaksi kecaman terhadap mangsa ditafsirkan melalui *Bystander Effect Framework* yang menjelaskan kegagalan sebahagian bystander untuk melepasi tahap empati dan tanggungjawab lebih memilih untuk berdiam diri atau memberi respons negatif dalam konteks buli siber. Keadaan ini menyumbang kepada normalisasi masyarakat dengan menganggap kecaman yang dilontarkan adalah sesuatu yang biasa dan tidak memerlukan campur tangan orang lain.

*Bystander* merupakan istilah yang digunapakai kepada individu yang menyaksikan mangsa dibuli secara atas talian. Seterusnya, reaksi sokongan dan empati turut dipengaruhi oleh identiti mangsa. Apabila mangsa terdiri dalam kalangan ahli keluarga atau individu tersebut pernah menjadi mangsa, maka *bystander* lebih cenderung memberi reaksi yang aktif dan defensif (Qiqi Chen 2024). Mangsa yang tidak disukai sama ada dalam kalangan selebriti atau orang awam akan cenderung untuk tidak diambil peduli oleh *bystander*. Perkara ini mencerminkan masyarakat menilai kelayakan empati berdasarkan taraf sosial dan status mangsa.

Menurut kajian Azianura dan Mohammad (2022), implikasi terhadap reaksi kecaman

menunjukkan kewujudan norma sosial di ruang siber yang membenarkan penggunaan kata-kata kesat dan responsif agresif terhadap mangsa. Keadaan ini meletakkan tekanan psikologi kepada mangsa apabila penderaan siber yang diterima dianggap normal dan disokong secara kolektif oleh netizen. Kesan daripada perbuatan ini akan menghakis nilai empati dalam diri masyarakat. Perkara ini juga turut dipengaruhi oleh faktor anonimiti yang menyebabkan pelaku berasa bebas menyalahgunakan bahasa kesat tanpa memikirkan kesan terhadap kesejahteraan mangsa.

Akhir sekali, tema-tema yang ingin dikaji ini adalah berdasarkan satu siaran muatnaik di platform TikTok yang menggambarkan tentang isu buli siber. Jumlah komen sebenar pada siaran tersebut adalah sebanyak 3004 komen. Walau bagaimanapun, pengkaji telah memilih sebanyak 300 komen atau 10% daripada bilangan komen sebenar secara rawak sebagai sampel untuk menganalisis secara tematik. Komen tersebut dikodkan mengikut lima tema utama.

#### HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Realitinya, masyarakat yang menggunakan platform media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *TikTok* akan berhadapan dengan isu buli siber. Hal ini kerana, evolusi medan elektronik menjadikan ramai pengguna terutamanya dalam kalangan remaja menghabiskan sebahagian masa mereka di ruang maya (Wan Hassan et al. 2015). Berdasarkan kajian daripada Liyana dan Mohd Azul (2023), buli siber yang berbentuk gangguan seksual selalunya berlaku kepada selebriti-selebriti disebabkan desakan globalisasi yang mempengaruhi untuk golongan ini kekal relevan dalam dunia industri.

Oleh kerana itu, perbuatan buli siber ini tidak dinafikan memberi kesan yang besar terhadap emosi, fizikal dan psikologi mangsa (Suriana & Khadijah 2020). Titik permulaan impak tersebut lazimnya bermula daripada reaksi awal mangsa dari sudut emosi seperti berasa sedih, kecewa dan marah. Rentetan daripada gangguan emosi yang berlarutan, mangsa berhadapan dengan kesan yang mendalam terhadap psikologi seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*) dan gangguan tidur (*insomnia*) (Wan Hassan et al. 2015). Pada akhirnya, masalah ini membawa kesan kepada fizikal mangsa seperti masalah psikosomatik termasuklah sakit kepala, muntah dan hilang selera makan sehingga berisiko untuk membunuh diri.

Antara kes buli siber yang mendapat perhatian netizen dalam kalangan selebriti adalah kes pelaku, Sophia Albarakbah (Sinar Harian 2024). Beliau terpaksa membuat laporan polis kerana menjadi mangsa gangguan seksual dengan menerima kata-kata hinaan dan imej tidak senonoh daripada orang yang tidak dikenali. Selain itu, pelaku lagenda iaitu Ellie Suriaty turut menjadi mangsa buli siber disebabkan perselisihan faham yang berlaku terhadap pengaruh, Imran Bard yang menghasilkan kandungan sindiran secara halus di platform TikTok (Sinar Harian 2025). Kes ketiga adalah kes Edward

Wong yang menjadi mangsa buli siber akibat tindakan beliau menyatakan ketidakpuasan hati di sidang akhbar kerana gagal mendapat penempatan di Universiti Malaya (Sinar Harian 2024)



Rajah 1: Seorang pelaku meluahkan tekanan yang diterima sebagai mangsa buli siber



Rajah 2: Seorang pelaku yang terkesan dengan perlakuan buli siber



Rajah 3: Orang Awam yang mendapat kecaman di media sosial

Perkara ini menunjukkan bahawa ramai lagi masyarakat yang tidak memahami bentuk-bentuk buli siber yang sebenar dan implikasinya terhadap individu sehingga bertindak menormalisasikan dalam melontarkan pendapat masing-masing di media sosial. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk meneliti dan menilai sejauh mana masyarakat Islam masa kini benar-benar memahami dan peka terhadap isu buli siber dan keperluannya dalam melindungi lima prinsip maqasid syariah.


Rajah 1 Siaran muatnaik yang dipilih tentang posting tumpuan netizen



Sumber: TikTok Buletin TV3 (7 Julai 2024)

Siaran yang berkait rapat dengan isu buli siber didapati memperoleh sebanyak 3004 komen dalam kalangan masyarakat yang digelar sebagai warga netizen. Siaran ini menjurus kepada keluhan yang menggambarkan kesan buli siber terhadap sebuah keluarga disebabkan kematian salah seorang adiknya yang telah menjadi mangsa buli siber di Malaysia. Hal ini mengundang pelbagai reaksi melalui komen-komen yang diberikan pada ruangan tersebut. Komen yang tidak bertepatan dengan kehendak pengkaji tidak digunakan bagi tujuan menganalisis data.

Rajah 2 Taburan Komen Netizen terhadap Isu Buli Siber



Sumber: Analisis Pengkaji

Analisis komen netizen mendapati lima tema utama dikenalpasti iaitu sokongan dan empati, kecaman terhadap mangsa, spekulasi negatif, pengalaman, dan cadangan pencegahan. Berikut adalah dapatan kajian mengikut tema-tema yang ditetapkan:

**Dapatan 1:** Daripada 300 komen yang dianalisis, 105 atau 35% komen menunjukkan sokongan dan empati yang ditunjukkan oleh netizen terhadap mangsa berdasarkan komen-komen seperti *'semoga yang dibuli ini mendapat keadilan'*, *'say no to cyberbullying'* dan *#justiceforesha*.

**Dapatan 2:** Sebanyak 30% atau 90 komen yang bersifat kecaman terhadap mangsa yang menjejaskan mental dan psikologi mangsa seperti *'tiktok x salah, yg salah diri sendiri'*, *'hati kena kental kalau nak jadi influencer'*, *'dia diugut tapi tak buat laporan'* dan *'xlayan x jadi rasanya'*.

**Dapatan 3:** 20% atau 60 komen yang menunjukkan netizen bertindak melakukan spekulasi negatif terhadap pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh, netizen menyalahkan pihak kerajaan dengan melontarkan ayat *'menteri paling gagal dalam sejarah Malaysia'*, *'isu kematian tiada kaitan dengan tiktok, dia mati sebab main tiktok ke? Pelik'*.

**Dapatan 4:** Sebanyak 3% atau 9 komen yang berkongsi pengalaman peribadi mengenai buli siber dan menunjukkan fenomena ini berlaku bukan hanya pada satu individu sahaja. Antaranya ialah *'anak aku pun kena cyberbully, dia x da phone tapi orang create akaun untuk burukkan imej anak saya, umurnya baru 11 tahun'*.

**Dapatan 5:** Netizen telah mengemukakan cadangan pencegahan dengan bilangan sebanyak 36 atau 12% komen. Antara cadangan pencegahannya adalah privatekan akaun TikTok dan tutup ruangan komen, sekat akaun individu yang melakukan buli

siber atau kerajaan Malaysia perlu sekat aplikasi TikTok.

## PERBINCANGAN

Perbincangan yang menunjukkan sokongan dan empati terhadap mangsa mendominasi peratusan tertinggi. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat sebahagian masyarakat yang masih hidup dalam norma sosial yang positif. Menurut Yang Hu et al. (2023), seseorang yang mempunyai nilai empati yang tinggi lebih mudah memahami perkara itu salah kerana dapat merasakan kesakitan yang dialami oleh mangsa. Dalam Islam juga tidak memandang empati itu sebagai satu pilihan, malah ia adalah bahagian yang perlu ada dalam diri seorang muslim (Nurjaman & Muhammad 2025). Respon berbentuk sokongan mencerminkan nilai kasih sayang yang berkait rapat dengan konsep *tazkiyah al-nafs* serta menyokong objektif *hifz al-nafs*. Menurut Wahbah al-Zuhayli, individu yang menyucikan diri melalui ketakwaan dan amal soleh akan mendorong kepada pembentukan akhlak mulia termasuk interaksi dalam ruang digital (Muhammad & Anwar 2022).

Dalam pada itu, peratusan terhadap netizen yang memberi kecaman terhadap mangsa juga hampir menyamai sokongan. Ayat kecaman ini bukan sekadar menjatuhkan reputasi mangsa malah jika mangsa masih hidup hanya akan menambahkan penderitaan terhadap mangsa yang memudaratkan jiwa dan akal. Perkara yang sewajarnya dilakukan apabila berinteraksi di media sosial perlu diselitkan prinsip hormat dan adab. Konsep adab mengajar masyarakat untuk menahan diri daripada melakukan perbuatan yang mencederakan maruah dan perasaan orang lain (Noorlila et al. 2025). Islam juga melarang perbuatan menyakiti orang lain berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّ الْمُسْلِمِينَ خَيْرٌ؟ قَالَ: مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: "Siapakah Muslim yang paling baik?" Baginda menjawab: "Iaitu orang yang kaum Muslimin selamat daripada gangguan lidah dan tangannya." (al-Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab al-Iman, Bab: Fasal Pertama)

Selain itu, segelintir netizen turut memberikan spekulasi negatif terhadap siaran yang dimuatnaik. Disebut oleh al-Suyuti dalam al-Jami' al Saghir iaitu "perbezaan umatku adalah suatu rahmat" (Mohd & Hasmadi 2021). Perkara ini menunjukkan bahawa Islam tidak menghalang perbezaan pendapat asalkan tidak menyebarkan benih perpecahan. Hal ini kerana, spekulasi negatif ini kadangkala mengandungi unsur-unsur fitnah kerana hanya membawa kepada tanggapan dan sangkaan sahaja. Kajian daripada Noorlila et al. (2025) menyatakan cabaran digital adalah dalam *post-truth* kerana komen yang dibina kebanyakannya berasaskan andaian tanpa sokongan

fakta sekaligus merosakkan intelektual masyarakat digital. Prinsip maqasid syariah yang paling dekat dengan masalah ini adalah pemeliharaan terhadap akal manusia kerana terdedah dengan pelbagai persepsi sehingga tidak mampu membezakan yang sah dan palsu.

Seterusnya, beberapa netizen turut tampil berkongsi pengalaman peribadi dengan kejadian buli siber yang dialami. Kebanyakan perkongsian netizen adalah bersifat negatif berkaitan pengalaman menjadi mangsa buli siber sekaligus memberitahu kesan yang dialami oleh mangsa. Menurut Haziq dan Adam (2023), pelaku buli siber ini lazimnya ada perasaan cemburu atau iri hati terhadap mangsa sehingga menyebarkan sesuatu yang berunsur *fitnah* dan memalukan mangsa. Tindakan ini bukan sahaja menjatuhkan maruah mangsa malah, pelaku hanya ingin melihat mangsa ini tertekan dan kemurungan sehingga menjejaskan kesihatan fizikal.

Selain itu, terdapat juga komen netizen yang menekankan sikap berhati-hati dalam menggunakan media sosial sebagai pencegahan terhadap isu buli siber. Beberapa cadangan yang dikemukakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat supaya mengambil jalan untuk menutup kemudaratan yang selari dengan prinsip *sad al-dharai'* sekaligus dapat mengurangkan peningkatan kes buli siber daripada berleluasa. Perkara ini selaras dengan kaedah fiqh "*Dar'u al-mafāsīd awlā min jalbi al-maṣāliḥ*" iaitu menolak keburukan lebih utama daripada mendapatkan kebaikan (Aina Sabariah et al. 2021). Komen berbentuk cadangan pencegahan buli siber ini menyokong pemeliharaan agama, nyawa, maruah, diri dan harta manusia selari dengan konsep maqasid syariah.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengakui terdapat limitasi dalam menginterpretasikan hasil kajian. Pertama, analisis hanya tertumpu kepada satu posting yang dipilih menyebabkan pola reaksi netizen terhadap buli siber tidak dapat digeneralisasikan kepada umum. Kedua, kajian ini hanya melibatkan platform media sosial iaitu TikTok sahaja yang mungkin jenis komen dan interaksi di platform lain seperti *Instagram* dan *Facebook* adalah berbeza daripada dapatan kajian.

Tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa, kajian ini menyumbang dalam bidang pendidikan Islam dengan menjadikan maqasid syariah sebagai kerangka yang relevan dalam menilai dan membimbing etika komunikasi dalam ruang digital kontemporari ini. Seterusnya, kajian ini menyumbang kepada perbincangan mengenai dasar penggunaan media sosial lebih beretika yang bersesuaian dengan ajaran Islam. Bukan itu sahaja, institusi agama juga berperanan penting dalam membendung gejala buli siber ini dengan menyebarkan kesedaran kepada orang ramai melalui pendekatan dakwah secara digital. Kajian ini menegaskan bahawa prinsip maqasid syariah wajar diaplikasikan dalam konteks buli siber sebagai salah satu langkah untuk menangani cabaran kontemporari masa kini.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, fenomena buli siber semakin sukar dibendung berikutan perkembangan pesat teknologi khususnya media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook dan seumpamanya. Buli siber bukanlah isu yang boleh dipandang enteng oleh masyarakat kerana masalah ini mampu memberi kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan emosi, psikologi dan fizikal individu yang melaluinya. Walaupun isu ini tidak dibahaskan secara khusus oleh ulama-ulama klasik, namun larangan-larangan yang jelas disebut dalam *al-Quran* dan *al-Sunnah* menunjukkan bahawa perlakuan buli siber ini bercanggah dengan nilai dan ajaran Islam.

Analisis terhadap reaksi netizen membuktikan bahawa kesan buli siber mencerminkan kemudaratan terhadap pemeliharaan jiwa, maruah dan akal manusia yang dinilai melalui kerangka maqasid syariah. Terdapat sebahagian masyarakat yang sedar tentang kepentingan dalam menjaga kesejahteraan emosi mangsa manakala sebahagian lagi kurang cakna dalam memelihara adab dan etika komunikasi di ruang digital sehingga melanggar prinsip-prinsip *hifz al-Nafs*, *hifz al-'Ird* dan *hifz al-Aql*. Sehubungan dengan itu, usaha menangani buli siber perlu diperkasakan melalui pendidikan dan dakwah bagi membimbing masyarakat berinteraksi secara beretika di media sosial. Sebagai contoh, para ilmuwan atau agamawan yang mempunyai pengikut yang ramai di media sosial seharusnya bergiat dengan lebih aktif untuk memberi pendedahan yang konsisten terhadap masyarakat mengenai bahaya buli siber. Hal ini kerana, kefahaman yang lebih jelas dapat mengukuhkan peribadi individu agar dapat mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang mengandungi sifat mazmumah ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran
- Al-Raghib. 2012. *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Manzur. Muḥammad bin Mukram. 1414H/1993. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Kozinets, R. 2020. *Netnography: The Essential Guide to Qualitative Social Media Research*. London: Sage Publications.
- Ahmad Shamsul et al. 2022. Buli Siber: Analisis Undang-undang di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)* 7(29):276- 284.
- Aina Sabariah et al. 2021. Maqasid Syariah Sebagai Strategi Pengawalan Rohani Dalam Penggunaan Media Sosial. *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2): 323–333.
- Azianura & Mohammad. 2022. Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16(6):1-16
- Che Hasniza dan Asyraf. 2013. Cyber Bullying: A General Islamic Outlook and Response. *American-Eurasian Journal of Sustainable Agriculture* 7(3): 215-220

- Farhan Bashir et al. 2020. *Cyberbullying: A Systematic Literature Review to Identify the Factors Impelling University Students Towards Cyberbullying*. IEEE Access 8(1): 148031
- Fatim Alia. 2022. Buli Siber dalam Kalangan Pelajar Perempuan Sekolah Menengah di Pulau Pinang. *GEOFRAFI* 10(1): 72-97
- Fitriyatul Lailiyah et al. 2024. Bullying dalam Al Qur'an Perspektif Kajian Tafsir Tematik. *Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam* 4(1):213-224
- Isna Fitri dan Abdul Fateh. 2025. The Qur'an's Perspective on the Phenomenon of Cyberbullying on Social Media: Contextual Approach. *Journal of Islamic Studies* 3(2):238-249
- Kambali et al. 2023. Religion In Cyberspace: Islamic Religious Education in Social Media. *Jurnal Pendidikan Islam* 12(1): 129-137
- Khairul Azhar & Mohd Fahmi. 2021. Cyberbullying in Digital Media. An Islamic Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(9): 1555- 1567
- Khairul Azhar et al. 2022. Gejala Al- Sukhriyyah dalam Media Sosial: Analisis Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Sains Insani* 49-55
- Liyana dan Mohd Azul. 2023. Buli Siber: Gangguan Seksual Siber terhadap Selebriti di Laman Sosial Instagram. *Jurnal Komunikasi* 39(1): 200-223
- Maslih. 2018. *Zahirat al-Tanammur fi al-Madaris wa Asbabha wa Turuq 'Ilajih*. Majallat Kulliyat al-Tarbiyah al-Asasiyyah, 24(101), 858–859.
- Meryna Putri et al. 2024. Analisis Faktor-faktor Penyebab Kasus Cyberbullying di Media Sosial Pada Remaja. *Variable Research Journal* 1(1): 51- 58
- Mohammad Najib et al. 2025. Pendidikan Nilai Ihsan dalam Kurikulum Pendidikan Islam: Menangani Krisis Sosial dalam Kalangan Remaja Pasca- Pandemi. *E- Journal of Islamic Thought and Understanding*. 8(1):70-81
- Mohd Mokhtarishah dan Hasmadi. 2021. Pengaruh Faktor Persepsi Negatif dan Budaya Tular terhadap Buli Siber di Media Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Golongan Muda. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJTHC)*. 6(1):7-15
- Muhammad dan Anwar. 2022. Teori Hifz Al-Nafs dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan. *Jurnal Muwafaqat*.
- Muhammad Maga dan Salih. 2023. Muslim Scholars and Challenges of Social Media Da'wah: Cyberbullying in Perspective. *Jurnal Teknologi Pendidikan* 12(1):107- 117
- Noorezam dan Samer Ali. 2021. Risk and Protecting Factors of Cyberbullying in Malaysia: A Comparative Analysis. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences* 33(5): 102-110
- Noorlila et al. 2025. The Islamic Ethical Principles and Maqasid al-Shariah to Enhance Digital Competency Among Adolescents. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 12(3):102-113
- Nurjaman dan Muhammad Alif. 2025. Empati dalam Perspektif Hadis. *Islamic Education Jurnal*. 2(3): 97-108
- Ramlah & Nurliana. 2024. Transformasi Kejahatan Dari Offline Menjadi Online Berbasis Media Sosial Menurut Pandangan Al-Quran (Analisis Cyber Bullying). *Akademi Jurnal Pendidikan* 15(1):1036-1046
- Saeaba Mushtaq & Syed Asima. 2025. Navigating the Cyber-Moral Landscape: Understanding and Combating Cyber Bullying through an Islamic Lens. *International Journal of Law Management & Humanities* 8(3): 2400-2413
- Sri Tuti Rahmawati. 2022. Kajian Kritis Terhadap Kejahatan Media Sosial Perspektif Al- Qur'an. *Jurnal STATEMENT* 12(1):55-67
- Suriana & Khadijah. 2020. Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(5):1-9
- Qiqi Chen. 2024. Reaction of Adolescent Cyber Bystanders Toward Different Victims of Cyberbullying: The Role of Parental Rearing Behaviors. *BMC Psychology*
- Wan Hassan et al. 2015. Kajian Tinjauan: Buli Siber di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia.
- Yang Hu et al. 2023. Emphaty and Bystander Helping Behavior in Cyberbullying Among Adolescents: The Mediating Role of Internet Moral Judgement and The Moderation Role of Internet Self-Efficacy. *Frontiers in Psychology*
- Muhammad Afiq & Kamarul Azmi. 2022. Masalah Buli Siber di Malaysia. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, hlm. 399–406.
- Muhammad Haziq & Adam. 2023. Kesedaran Keselamatan Siber Pelajar dan Hubungannya dengan Maqasid Syariah. *Proceedings Borneo International Islamic Conference*, hlm. 202–214.
- Azizah Mokhtar. Kes Buli Siber Pempengaruh di TikTok: Suspek Kedua di Reman 4 Hari. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1269923/kes-buli-siber-pempengaruh-di-tiktok-suspek-kedua-direman-4-hari> [24 Disember 2025]
- Bernama. 2024. Buli Siber: MCMC terima 27 laporan sehari. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1325945/buli-siber-mcmc-terima-27-laporan-sehari-fahmi> [29 April 2025]
- Nurezzatul. Kemelut Ellie Suriaty-Imran Bard, CEO Finas Beri Teguran. *Berita Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/717082/berita/hiburan/kemelut-ellie-suriaty-imran-bard-ceo-finas-beri-teguran> [31 Disember 2025]
- Sinar Harian. Buli Siber: Sophia Albarakbah Kumpul Bukti. *Buli siber: Sophia Albarakbah kumpul bukti | Astro Awani* [31 Disember 2025]
- Tai Zee How. Matrikulasi dan STPM. *Berita Harian*. [https://www.sinarharian.com.my/article/748747/berita/cetusan/matrikulasi-dan-stpm#google\\_vignette](https://www.sinarharian.com.my/article/748747/berita/cetusan/matrikulasi-dan-stpm#google_vignette) [31 Disember 2025]